

Batu Sapi: 20 borang pencalonan dijual setakat ini
Malaysiakini.com
October 21, 2010

Pejabat Pilihan Raya Negeri Sabah setakat ini mengeluarkan 20 borang pencalonan untuk pilihan raya kecil Parlimen Batu Sapi.

"Saya tidak pasti sama ada semua borang itu akan diserahkan kembali. Kami hanya menjual, siapa-siapa pun boleh beli.

"Tetapi kalau ada yang memutuskan untuk bertanding nanti, saya berharap borang pencalonan akan diserahkan dengan deposit RM10,000 untuk bertanding sebagai calon Parlimen," kata Timbalan Setiausaha (Operasi) Suruhanjaya Pilihan Raya, Datuk Noordin Che Ngah.

Borang berharga RM20 bagi satu set.

Hari penamaan calon adalah Selasa ini sementara hari mengundi pada 4 November.

Kerusi Parlimen Batu Sapi kosong berikutan kematian penyandanginya Datuk Edmund Chong Ket Wah dalam kemalangan jalan raya pada 9 Oktober lalu.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/145995>